

Pusat Pembangunan Alumni (PPA) Universiti Sains Malaysia telah menyertai Pertandingan Menghias Jabatan pada 4 September 2025 bersempena dengan Sambutan Hari Kemerdekaan ke-68. Pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Pendaftar USM ini bertemakan “Semarakkan Semangat Merdeka di Tempat Kerja Kita!”.

Penyertaan ini menggambarkan komitmen PPA dalam memupuk semangat patriotik dalam kalangan warga kerja serta memperkukuh nilai kreativiti, kerjasama dan kebersamaan di tempat kerja. Usaha ini turut menjadi simbol keprihatinan PPA dalam menghayati makna kemerdekaan sejati, seiring dengan aspirasi “Malaysia Madani: Rakyat Disantuni”.

Dengan semangat aspirasi ini, PPA USM terus komited untuk menjadi jabatan yang bukan sahaja cemerlang dalam fungsi dan tanggungjawabnya, tetapi juga menjadi contoh dalam menyemai rasa cinta kepada negara melalui kreativiti dan nilai kebersamaan di tempat kerja.

Hasil usaha gigih dan komitmen para kakitangan, PPA berjaya meraih tempat ke-5 daripada 33 penyertaan PTJ dalam pertandingan tersebut.

Sambutan HARI KEMERDEKAAN KE-68



*Semarakkan Semangat Merdeka
di Tempat Kerja Kita!*



Campus WALK

PELAJAR BAHARU

Pada 1 Oktober 2025, Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA) dengan kerjasama Kampus Sejahtera serta Jabatan Keselamatan telah menganjurkan program 'Campus Walk', khusus buat pelajar baharu Sidang Akademik 2025/2026. Program ini bertujuan memperkenalkan para pelajar dengan persekitaran kampus, lokasi pengajian dan tempat tumpuan utama di Universiti Sains Malaysia (USM).

Seramai lebih 3000 pelajar yang terdiri daripada enam desasiswa termasuklah Desasiswa Restu, Tekun, Saujana, Aman Damai, Indah Kembara dan Cahaya Gemilang Harapan. Kesemua mereka telah melalui perjalanan sejauh kira-kira lima kilometer. Program ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk mengenali fasiliti, landskap dan budaya kehidupan universiti dengan lebih dekat, malah berfungsi sebagai aktiviti orientasi yang menggalakkan gaya hidup sihat, memupuk semangat kebersamaan dan mengeratkan hubungan sesama warga kampus.

Penganjuran Campus Walk ini diharapkan dapat membantu pelajar menyesuaikan diri dengan lebih pantas dan sekali gus meninggalkan kenangan bermakna yang menyemarakkan semangat mereka untuk memulakan perjalanan akademik di universiti berstatus APEX ini.



Campus Walk Perkukuh Pengalaman Awal Pelajar Baharu di USM

CONNECT US:



Penulis: Harnani Dzulkafli
Penyunting: Suraya Shazlin
Foto: USM